

Syor potong projek diserahkan pada Musa

KUALA LUMPUR, Isnin — Unit Perancang Ekonomi telah mengemukakan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam satu kertas-kerja mengandungi syor-syor pemotongan segera dan penangguhan projek-projek bagi tahun 1982.

Ini merupakan langkah paling baru dalam beberapa tindakan berjimat-cermat yang diambil oleh Kerajaan bagi menghadapi kemelesetan ekonomi dunia.

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah mengumumkan antara \$1.5 hingga \$2 billion akan dipotong dari \$14.632 billion peruntukan pembangunan

tahun 1982.

Bagaimanapun, sebagaimana yang kerap diulangi oleh pemimpin 2M, potongan belanjawan itu tidak akan menjajikan projek-projek sosio-ekonomi yang menguntungkan orang ramai.

Adalah dipercayai Datuk Musa hari ini mengadakan perbincangan dengan Panglima Angkatan Tentera, Jen. Tan Sri Ghazali Mohd. Seth mengenai kajian semula projek-projek Angkatan Tentera dalam tahun 1982.

Para pemerhati percaya pihak Angkatan Tentera akan menanggung pemotongan memandangkan ia memperoleh peruntukan besar \$2.7 billion bagi projek-projek pemba-

ngunannya dalam tahun ini.

Ini merupakan peruntukan Angkatan Tentera yang paling besar iaitu 18.5 peratus dari perbelanjaan pembangunan negara.

Di samping itu juga, pemotongan peruntukan ke atas Angkatan Tentera juga dikenakan memandangkan sebahagian besar akan dibelanjakan membeli alat-alat ketenteraan dan kelengkapan lain dari luar negeri.

Keputusan

Perbelanjaan seumpama itu dianggap tidak wajar pada waktu ini kerana ia akan meningkatkan aliran tukaran wang asing dari negara ini.

Sumber-sumber mem-

beritahu, Jen. Tan Sri Ghazali dan Datuk Musa telah membincangkan mengenai keutamaan berbagai projek Angkatan Tentera.

Esok, Datuk Musa dijangka mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai kanan dari Unit Perancang Ekonomi untuk mengambil keputusan terhadap pemotongan segera dan penangguhan projek-projek pembangunan dalam tahun 1982.

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar Ibrahim mengesyorkan Unit Perancang Ekonomi di JPM membuat ubahsuai bagi menampung permintaan luar jangka dalam ekonomi negara.

Encik Anwar berkata,

dalam berbuat demikian unit tersebut juga hendaklah merumuskan piawaian sebagai panduan menilai usaha-usaha pembangunan agar nilai-nilai rohaniah dapat dimasukkan.

Beliau juga mahukan perancang dalam unit tersebut menjamin bahawa projek-projek keutamaan diselaraskan dalam konteks format yang sama selaras dengan keperluan negara.

Katanya, adalah penting ditentukan projek-projek keutamaan memandangkan kemelesetan dunia.

Encik Anwar memberitahu pemberita demikian selepas mende-ngar taklimat oleh pegawai kanan unit tersebut di sini hari ini.